

21 SEP 2003

Matrade-Peng korporatan/I

MATRADE AKAN KEMUKA CADANGAN PENGKORPORATANNYA KEPADA KERAJAAN

IPOH, 21 Sept (Bernama) -- Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) akan mengemukakan hasil kajian pengkorporatannya kepada kerajaan sebelum akhir tahun ini.

Pengerusinya, Datuk Ahmad Husni Hanadzlah berkata kajian itu akan menentukan bentuk pengkorporatan Matrade sama ada menjadi sebuah agensi yang berdikari daripada segi kewangan atau terus menerima bantuan kewangan tetapi bebas daripada karenah birokrasi kerajaan.

Keperluan ini timbul kerana Malaysia kini memberi lebih banyak penekanan kepada pasaran eksport dan perlu bergerak dengan lebih pantas bagi memenuhi keperluan pasaran tersebut, katanya kepada pemberita selepas pelancaran Program Pembentukan Keluarga/Masyarakat Penyayang oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Zainal Abidin Zin, sempena Kempen Anti Dadah Kebangsaan di sini, hari ini.

Ketika membentangkan Bajet 2004 minggu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Matrade akan dikorporatkan bagi membantu Malaysia menjadi peniaga global dengan mempromosikan produk tempatan secara langsung di pasaran antarabangsa.

Ahmad Husni berkata: "Kini, Matrade sukar beroperasi tanpa peruntukan kerajaan kerana ia memberi perkhidmatan percuma kepada pengusaha tempatan.

"Terdapat lebih 6,000 syarikat yang berdaftar dengan kami. Bagi setiap misi perdagangan, kami akan membiayai separuh daripada perbelanjaan mereka atau sehingga RM60,000."

Beliau berkata agensi itu juga menghadapi kesulitan akibat karenah birokrasi dan menyebabkannya tidak dapat memberi perkhidmatan dengan cepat kepada masyarakat peniaga.

Sementara itu, Matrade akan mengadakan pameran perdagangan di luar negara dan pada Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya bulan depan.

Ahmad Husni juga berkata Matrade akan mengambil ekspatriat yang terlibat dalam pasaran global bagi membantu Malaysia menembusi lebih banyak pasaran antarabangsa, di samping mewujudkan rangkaian mantap di seberang laut.

"Ini sesuatu yang baik dan baru bagi negara. Kita perlu bekerjasama dengan mereka kerana mereka mempunyai pengalaman dalam pasaran global serta pengetahuan tentang struktur pasaran itu," katanya.

-- BERNAMA

KAY KAY JK SP MOZ